



*Khutbah Hari Raya 1 Syawwal 1443H: "Ramadhan Diingati, Idulfitri Disyukuri"*  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "RAMADHAN DIINGATI, IDULFITRI DISYUKURI".<sup>1</sup>

|  |  |
|--|--|
| <p>الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ<br/>الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ<br/>الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ</p> <p>لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ وَلَلَّهِ الْحَمْدُ</p> <p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: سَيِّحْ أَسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى ① الَّذِي خَلَقَ فَسَوَّى ②<br/>وَالَّذِي قَدَرَ فَهَدَى ③</p> <p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ<br/>وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمِنْ<br/>وَالاَه .</p> <p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ<br/>الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا<br/>تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ④</p> <p>الله أكبر ، الله أكبر ، الله أكبر ، ولله الحمد</p> <p>Hadirin muslimin-muslimat yang dikasihi Allah sekalian,</p> <p>Saya berpesan kepada diri saya sendiri dan para Jemaah sekalian agar terus bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya agar kita menjadi hamba Allah yang direndai di dunia dan di akhirat.</p> | <p>2</p> <p>3</p> <p>4</p> <p>5</p> <p>6</p> |
|--|--|

<sup>1</sup> al-A'la : 1-3.



Khutbah Idulfitri pada kali ini bertajuk, "**RAMADHAN DIINGATI, IDULFITRI DISYUKURI**".

7

**Hadirin Muslimin-Muslimat yang dikasihi Allah Sekalian,**

Alhamdulillah, hari ini kita kita dapat bersama-sama meraikan Hari Raya Idulfitri. Syukur pada Allah kerana kita telah berjaya melaksanakan ibadah puasa Ramadhan dengan sempurna. Maka hari ini umat Islam diperintahkan untuk membesarkan Allah SWT sebagai tanda syukur atas kemenangan kerana berjaya melawan hawa nafsu, menahan lapar dan dahaga serta mengawal lidah dan mata dari dosa.

8

Bila Syawwal tiba, maka kita diperintahkan untuk bertakbir sebagaimana Allah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 185:

وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَيْتُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

9

"Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadhan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur".

10



اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Hari ini kita bergembira dan bersyukur kerana Allah SWT telah menganugerahkan pelbagai nikmat yang tidak terhingga. Diantara nikmat yang wajib kita perlihara terutama di hari raya ini ialah nikmat persaudaraan.

11

Oleh yang demikian marilah kita ucapkan:

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ

12

*"Semoga Allah menerima amalan ibadah kita sepanjang Ramadhan"*

apabila kita berjumpa sanak saudara, rakan dan taulan. Peliharalah persaudaraan kerana dengan persaudaraan yang erat maka ukhuwah umat Islam akan terus erat dan kukuh.

13

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Di hari yang mulia ini walaupun kita bergembira menyambut hari raya bersama keluarga setelah 2 tahun kita tidak dapat berhari raya akibat Perintah Kawalan Pergerakan, maka umat Islam diingatkan agar sentiasa mengucapkan kalimah takbir puji dan syukur kepada Allah SWT atas segala nikmat-Nya yang tidak terhingga. Nikmat berada dalam negara yang aman damai dan mudah untuk beribadah walau di mana saja kita berada. Nikmat dapat bergerak ke sana-sini adalah satu rahmat pemberian Allah SWT. Namun janganlah lupa dan lalai untuk terus melaksanakan perintah Allah SWT dan mematuhi peraturan negara.

14



Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 7:

وَإِذْ تَأْذَنَ رَبُّكُمْ لِئِنْ شَغَرْتُمْ لَا زِيَادَةً وَلِئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ  
عَذَابِي لَشَدِيدٌ

15

“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: “Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras”.

16

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin muslimat yang berbahagia,**

Apa yang penting bagi umat Islam hari ini ialah dengan sentiasa melakukan muhasabah diri terhadap amalan ibadah puasa Ramadhan yang lalu. Jadikanlah puasa Ramadhan kali ini sebagai titik tolak untuk berubah memperbaiki diri menjadi lebih baik. Ramadhan yang datang dan pergi saban tahun menjadi madrasah untuk mendidik umat Islam lebih bertakwa dan berkualiti.

17

Kita tidak boleh merasa selesa dan berbangga dengan segala amalan dalam bulan Ramadhan, lalu menjadikannya sebagai orang yang riak dan memandang rendah kepada orang lain. Sebaliknya jadikanlah ganjaran Ramadhan sebagai motivasi bagi setiap anggota badan seperti lidah, tangan, kaki, hati dan sebagainya digunakan hanya untuk mengerjakan perintah yang Allah redhai bukan yang dimurkai. Lidah bukan untuk mengutuk, mengumpat dan memfitnah. Gunakanlah lidah untuk kata-kata yang baik dan berfaedah.

18



Sebulan kita telah ditarbiah oleh Allah melalui bulan Ramadhan. Bagaimanapun ada dalam kalangan umat Islam yang mula alpa dan lupa apabila datang kemeriahinan Syawwal. Janganlah pula solat fardhu ditinggalkan, solat sunat diabaikan dan sedekah dilupakan. Masjid dan surau mula lengang walaupun tiada lagi sekatan pergerakan. Kalau Ramadhan umat Islam berpusu-pusu berkejar menuju ke rumah Allah untuk melaksanakan solat fardu dan solat sunat. Namun kini bila Syawwal menjelma, banyak masjid dan surau dilihat mula sunyi sepi dan kekurangan jemaah yang berkunjung. Mudah-mudahan kita masih istiqamah tanpa lesu dan jemu untuk berjihad memakmurkan dan menghidupkan rumah Allah ini tambahan pula masjid dan surau telah dibuka seperti biasa.

19

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Kedatangan Idulfitri yang sangat dinantikan ini pastinya disambut dengan penuh ceria, hormat-menghormati, ziarah-menziarahi dan bermaaf-maafan. Namun janganlah pula di bulan kemuliaan ini dicemari dengan dosa dan noda. Janganlah kerana berbeza fahaman politik menjadi penyebab runtuh dan binasa budi pekerti mulia. Janganlah kita berburuk sangka, menabur fitnah yang membawa ummah menjadi punah dan hindarilah caci-mencaci sesama sendiri kerana kelak kita juga yang rugi. Jauhilah perangkap mainan nafsu, bisikan iblis dan hasutan syaitan yang mahukan permusuhan dan pergaduhan yang membawa kehancuran bangsa dan negara.

20

Marilah kita mengambil iktibar atas kemurkaan Allah yang telah membinasakan kaum-kaum terdahulu disebabkan keruntuhan akhlak dan keburukan perangai mereka. Dengan banjir besar kaum Nabi Nuh dibinasakan, dengan ribut pasir kaum Nabi Hud dimusnahkan, dengan hujan batu Kaum Nabi Luth dihancurkan dan dengan cuaca yang amat panas kaum Nabi Syuaib dilenyapkan serta dengan empangan pecah kaum Saba' ditenggelamkan.

21



Marilah kita hidup bermasyarakat dengan penuh muafakat dan saling menghormati supaya hidup sihat dan selamat. Jagalah keluarga kita dengan penuh rasa tanggungjawab dan kasih sayang disamping memperolehi harta yang halal lagi berkat agar kekal bahagia di dunia dan akhirat.

22

Semoga dengan Ramadhan yang baru berlalu akan terus kita ingati dan Idulfitri yang kita rayakan hari ini akan terus kita syukuri. Jadilah hamba Allah yang beramal dengan ikhlas kerana Allah SWT, bukan beramal kerana bulan atau ganjaran tetapi kerana ia adalah suruhan dan perintah Allah SWT.

23

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin muslimat yang dikasihi sekalian,**

Bagi mengakhiri khutbah Idulfitri ini, marilah kita menghayati dan mengambil pengajarannya untuk dijadikan pedoman dalam hidup kita. Antaranya:

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa mensyukuri Idulfitri dengan membesarluan Allah SWT adalah suatu suruhan daripada Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah terus istiqamah dan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki diri dengan melakukan amalan yang dituntut kerana Allah SWT.
3. Umat Islam hendaklah berakhhlak mulia bagi mengelak musibah dan bencana yang bakal menimpa gara-gara tingkah laku dan perangai buruk diri sendiri.

24

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَا أَصَبَّكُمْ مِنْ مُصِيبَةٍ فِيمَا كَسَبَتْ أَيْدِيهِكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ

25



“Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa) dan (dalam pada itu) Allah memaaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu.”

26

(Surah Al-Syura : 30).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

27

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

28

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

29



## KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

1

اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ كَيْرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي

2

هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِي لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ،

أَشَهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

3

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، إِتَّقُوا اللَّهَ، أُووصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ فَقْدٌ فَارِ

4

الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا

وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

5

Hari ini kita disunatkan untuk bergembira dan bersukaria dengan memakai pakaian yang indah dan serba baru. Tetapi janganlah pula kita lupa akan nasib yang telah dan sedang menimpa sebahagian umat Islam di negara kita dan negara lain yang menghadapi pelbagai ujian seperti Covid-19, penyakit kritikal, menghadapi perang, menjadi pelarian, bencana alam, kemiskinan, kebuluran dan tekanan hidup. Atas nama persaudaraan Islam, marilah kita hulurkan bantuan, derma, doa, khidmat nasihat dan sebagainya yang termampu sebagai rasa simpati dalam meringankan beban yang sedang mereka rasai dan deritai.



|   |    |
|---|----|
| اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ<br>وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبُّ الدَّعَواتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.  | 6  |
| اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ<br>وَالْمُشْرِكِينَ.   | 7  |
| اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِتَبَيِّنِ الْأَمْيَنِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ<br>الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَّايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحَفْظِ<br>وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،   | 8  |
| جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ<br>شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.   | 9  |
| اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ<br>عَهْدِ سلاْغُورِ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ<br>الْحَاجِ،                              | 10 |
| فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ<br>عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ<br>الْهُدَى وَالرَّشَادِ. | 11 |
| اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، ادْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادِ<br>وَالْمِحَنَّ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفَ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.                                     | 12 |



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتَنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.

13

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ  
﴿٢١﴾

14

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
﴿٩٦﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرْكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَرِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ

15

فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

16

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ صَالِحَ الْأَعْمَالِ

مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ، وَكُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ